

KONTEKSTUALISASI HUKUM DAN PEMBAHARUAN SYARIAT

Ahmad Nabil Amir¹, Tasnim Abdul Rahman²,

¹Former Associate, International Institute of Islamic Thought and Civilization, Kuala Lumpur, Malaysia,

²Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak Terengganu, Malaysia

nabiller2002@gmail.com, tasnimrahman@unisza.edu.my

Received: 23 Agust 2024; Accepted: 21 December 2024; Published: 21 December 2024

Abstract

Summarizing the role and function of Islam in the trajectory of law in Malaysia, this paper seeks to conceptualize the influence of shariah and its development in the nation's legal system. Founded since the Sultanate era of the Malay rulers and continued into the colonial and post-colonial times, it proceeded to study the history of the formation of Malay political entity and its structure of government and the subsequent transition of power into the hand of the Portuguese, Dutch, Japanese and British colonizers. During that time, the Islamic law and its traditional belief and system was highly challenged by the indoctrination of Orientalism, Westernization, and modernization to the point of suppressing the local custom of Malay people and their legal and moral values and sentiment. This was exacerbated by the collapse of the Ottoman empire - the last bastion of the Caliph that represent the Pan Islamic movement embraced by the Malay world. The study is conducted based on qualitative analysis based on library and literature survey. The finding concludes that the enforcement of Islamic law was hindered by the intervention of colonial master prioritizing the implementation of common law underlying its worldview that bring foreign culture and system into the consciousness of the masses for their political advantage, in addition to the dominant secular force of nationalism and communism that prevail and imposed upon the indigenous people throughout the country.

Keywords: Colonialism, Malay supremacy, Syariah Ruling

Abstrak

Dalam merumuskan peranan dan fungsi Islam yang sepenuhnya terhadap orientasi hukum di Malaysia, kertas ini berusaha melihat pengaruh hukum Islam dan perkembangannya dalam sistem perundangan yang ditegakkan sejak era kesultanan Melayu-Islam di wilayah jajahannya hingga ke zaman kolonial dan paska-merdeka. Untuk menjelaskan hal ini, kita harus melihat sejarah pembentukan entiti politik dan kerajaan Melayu dan peralihan kekuasaan dan kedaulatannya dari tangan pemerintah Islam kepada penjajah Portugis, Belanda, Jepun dan British. Dalam tempoh tersebut timbullah cabaran-cabaran terhadap sistem kepercayaan dan tradisi Islam yang diserang oleh faham Orientalisme, pembaratan dan kemodenan yang menekan nilai-nilai hukum dan moral dan ketuanan Melayu. Ini diperparah oleh keruntuhan empayar Osmaniyah dan kejatuhan khilafah Islam yang terakhir yang menaungi perjuangan

kaum Muslim di rantau ini. Metodologi kajian ini berasaskan tinjauan kepustakaan dan analisis kualitatif. Kajian merumuskan bahawa usaha penegakkan hukum syarak terhalang oleh campur tangan penjajah yang mengutamakan ideologi sekular, nasionalisme, dan komunisme demi manfaat politiknya di zaman penjajahan dan tempoh awal paska kolonialisme selain indoktrinasi sekularnya yang mendominasi negara-negara Muslim dengan pemaksaan sistem kebudayaannya ke atas masyarakat pribumi.

Kata-kata kunci: Ahkam Syariah, Ketuanan Melayu, Kolonialisme

Pendahuluan

Kerangka perundangan Islam melantarkan doktrin yang sejalan dengan kehendak dan ideologi hukum dan ruh syariat. Dalam perkembangan moden perkara ini turut dihubungkan dengan upaya-upaya perbaikan yang diperlukan dalam menyongsong perkembangan hukum yang drastik dan nilai-nilainya yang konstruktif dan positif dalam konteks kenegaraan dan amalan kehakiman. Praktik asal undang-undang yang terhimpun dalam manuskrip dan teks-teks tua menggambarkan konteks sosiobudaya yang telah berkembang sejak berabad-abad lamanya dalam budaya (*ʿurf*) dan tradisi Melayu dan tatacara perundangannya yang berakarakan nilai-nilai Islam yang tinggi dan dipertahankan dalam sejarah bangsa dan leluhurnya. Budaya dan pengalaman hidup yang diwarisi sejak zaman berzaman ini mencerminkan kekuatan Islam sebagai kuasa penakluk dalam wilayah geografi yang luas yang membentang di kepulauan Melayu-Indonesia yang telah membentuk cara hidup dan menyebarkan pengaruh kepercayaan dan lingua-francanya.

Alhasil, dalam usaha untuk mengembalikan semula praktik dan pemahaman syariah kepada sumber-sumbernya yang asli dan tulen, sebagai satu-satunya hukum Tuhan yang betul, ia tidak menutup kemungkinan kepada ijtihad yang inovatif dan dinamik, sebagai pelengkap kepada pemahaman dan penalaran hukumnya. Ini selari dengan epistemologi salafisme yang menyeru kaum Muslimin untuk kembali kepada sumber-sumber tekstual asli al-Qur'an dan as-sunnah, di mana mereka sepatutnya menafsirkan semula sumber-sumber asal tersebut berdasarkan keperluan dan tuntutan moden tanpa perlu terikat dengan model tafsiran generasi Muslim terawal. Demikianlah yang ditegaskan oleh Syekhul Azhar, Sheikh al-Maraghi (w. 1364/1945) yang mengesahkan bahawa hukum syariah mesti berubah sesuai dengan peralihan tempat dan waktu dan keperluan lingkungannya (Abou el Fadl, 2014).

Salafi pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 juga sangat menekankan kepentingan konsep masalah (kemaslahatan umum) dalam merumuskan hukum Islam, bahkan apa-apa jua yang boleh memenuhi kepentingan awam seharusnya dianggap sebahagian daripada hukum Islam. Pendekatan rasionalis dan manusiawi terhadap hukum ini dicontohkan oleh para pelopornya seperti Ibn Taimiyah (w. 728/1328), Ibn Qayyim al-Jawziyyah (w. 751/1350), Muhammad al-Shawkani (w. 1250/1834), al-Jalal al-San'ani (w. 1225/1810), Jamal al-Din al-Afghani (w. 1314/1897), Muhammad Abduh (w. 1323/1905) dan Muhammad Rashid Rida (w.

1935) dalam karya-karya mereka yang menyumbang kepada ruang sebenar autoriti dalam Islam yang memaknai nilai-nilai kebebasan dan egalitarianisme (Abou el Fadl, 2014).

Dalam konteks umat Islam di Malaysia, yang diperlukan adalah untuk menyerlahkan aspek tentang keharmonian antara undang-undang Islam dan sivil, dan kepada autoriti kerajaan untuk menyediakan undang-undang dan prosedur yang memastikan kesatuan dan integrasi nilai, dari kedua-duanya, ke dalam proses legislatifnya, dengan tujuan akhirnya untuk menghapuskan atau mengurangkan dualitas undang-undang dan mendukung integrasi dan penyatuan yang substantif (Kamali, 2013).

Aspek lain dari cabaran ini adalah untuk menambah dan mengintegrasikan prinsip-prinsip hak asasi manusia ke dalam aplikasi undang-undang dan prosedur dari kedua-dua perundangan sivil dan syariah. Malaysia bukanlah baru kepada semua ini – dan sebahagian usaha juga sedang dilaksanakan untuk mengharmonikan undang-undang syariah dan sivil ke dalam sistem hukum di Malaysia, yang telah mengambil momentum yang baru dengan batu penanda dari kemajuan yang Malaysia telah capai dalam perbankan dan kewangan Islam (Kamali, 2013).

1. KAJIAN LITERATUR

Dalam karyanya yang berhubung kait dengan tema perbahasan ini, Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah in the Modern Age, Khaled Abou el Fadl (2014) menguraikan tentang upaya penalaran dan penaakulan tentang hukum Tuhan sebagai usaha untuk merebut semula shari'ah dalam abad moden. Ini menyangkut penolakannya terhadap faham ekstremisme dan kefanatikan yang dihubungkan dengan puak pelampau khawarij yang dikenal sepanjang sejarah Islam kerana keghairahan mereka yang tanpa kompromi dan malah sifat kefanatikan. Hal ini juga dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan moden yang memiliki akar-akar ideologi dengan Khawarij,

Sehubungan itu beliau menolak pembacaan al-Qur'an secara tekstual oleh kaum fundamentalis yang membelakangkan maksud dan ruh syariah dan ketidaksahan pemahaman berhaluan Wahabi ini yang telah menimbulkan terorisme dan pemusnahan tempat suci di Mekah dan Madinah.

Dalam makalahnya "Shariah's Winding Path into Modernity", Mustafa Akyol (2017) menyorot tentang tantangan dan jalan Shariah yang berliku kepada kemodenan. Ia berusaha menunjukkan jalan tengah antara penentang Shariah dengan pendukungnya, dengan membentangkan sisi yang cerah dari syariah, mengingatkan ianya mustahil bagi seorang Muslim yang serius tentang agamanya untuk mengecam Shariah. Malah sarjana Islam zaman pertengahan menggariskan perbezaan antara pematuhan peribadi, atau ibadat, dengan peraturan publik, atau muamalat, dan mereka mengakui bahawa yang akhir adalah lebih lunak. Dan itulah mengapa dari sebahagian 50 negara majoriti-Islam, kanun jenayah berasaskan

Shariah diimplementasi hanya dalam sekitar dua belas negara.

Namun terdapat juga gerakan ideologi di seluruh dunia Islam yang ingin mengembalikan Shariah, dengan unsur-unsurnya yang keras, memaksa, dan sempit, yang dilihat sebagai penindasan terhadap wanita dan lelaki atas nama Tuhan. Sebab dari salahfaham ini, menurut Akyol, adalah kerana banyak idea orang Barat tentang agama berasaskan terutamanya kepada Kristian, yang Penyelamatnya sendiri khabarnya menyerahkan wasiat untuk mengatur "kerajaan di dunia ini." Bagaimanapun, terdapat agama Ibrahim yang lain yang jauh lebih menyerupai Islam dalam hal ini, yakni tradisi Yahudi, dari undang-undang ilahi, Halakha, yang juga bermaksud "jalan," atas mana Shariah dimodelkan.

Seperti Shariah, Halakha juga mempunyai banyak aturan tentang hal-hal dari pematuhan peribadi juga penghukuman yang keras, termasuk rejam. Hukuman ini telah diinterpretasikan semula dalam agama Yahudi berasaskan nilai-nilai moden seperti pengetahuan sekular, rasionaliti dan kebebasan nurani. Pencerahan ini dengan menakjubkan sama dengan hujah reformis Islam hari ini – suatu analogi yang tepat bagi reformasi yang diperlukan dalam Islam kontemporer.

Islam juga mempunyai benih dari pembaharuan di dalam dirinya. Sebahagian ulama Islam abad pertengahan, seperti Imam Abu Ishaq al-Shatibi dari Granada, melihat melampaui huruf-huruf dari hukum dan memetakan "tujuan" ilahi di sebalik Shariah. Yang akhir ternyata menghasilkan perlindungan terhadap lima nilai yang fundamental: agama, kehidupan, harta, akal dan keturunan.

Reformis Islam hari ini menunjukkan bahawa nilai-nilai ini dipertahankan jauh lebih baik dalam demokrasi Barat daripada dalam negara "Islam". Mereka menambah bahawa keghairahan pada Shariah harus diterjemahkan ke dalam doktrin dari hak-hak yang tidak dapat dicabut daripada semua manusia – visi yang sangat sedihnya tiada di Timur Tengah hari ini, di mana alternatif kepada Shariah literalis yang kuno sering hanya sekular dengan pemerintahan yang despotik.

Gagasan al-Shatibi mengenai maqasid al-shari'ah membuka ruang ijtihad yang lebih luas dalam memahami hukum Islam. Pendekatan ini menekankan bahawa syariah tidak boleh dibaca secara semata-mata literal, melainkan perlu difahami dalam kerangka tujuan-tujuan ilahi yang melindungi kepentingan asasi manusia. Dengan fokus pada prinsip kemaslahatan, maqasid memberi fleksibiliti kepada hukum Islam untuk terus relevan di sepanjang zaman tanpa kehilangan identiti normatifnya. Hal ini menunjukkan bahawa dalam tradisi Islam sendiri telah tertanam benih pembaharuan yang mampu menjawab cabaran kontemporer.

Dalam perkembangan moden, pemikiran ini kemudian diperkukuh oleh para reformis Islam yang melihat keselarasan antara maqasid al-shari'ah dengan nilai-nilai universal hak asasi manusia. Mereka berhujah bahawa demokrasi yang menegakkan prinsip kebebasan, persamaan, dan keadilan sejajar dengan maqasid kerana sama-sama berupaya menjaga agama, kehidupan, harta, akal, dan keturunan. Oleh itu, reformasi Islam bukanlah usaha mengimport idea Barat secara membuta tuli, tetapi

lebih kepada menegaskan kembali nilai-nilai Islam yang sudah wujud dalam kerangka tradisi tetapi kurang digarap secara menyeluruh.

Namun, cabaran utama terletak pada realiti politik di dunia Islam sendiri, khususnya di Timur Tengah. Di banyak negara, perdebatan tentang syariah sering terjebak antara dua kutub ekstrem: tafsiran literalistik yang kaku dan pemerintahan sekular yang autoritarian. Kedua-duanya gagal mencerminkan maqasid yang sebenar, iaitu perlindungan terhadap kemanusiaan secara menyeluruh. Justeru, penting bagi umat Islam masa kini untuk menggali kembali khazanah intelektual klasik seperti pemikiran al-Shatibi dan mengaktualisasikannya dalam konteks demokrasi dan hak asasi manusia agar Islam dapat tampil sebagai rahmat bagi seluruh alam.

Dalam merumuskan manhaj dan idealisme syariah dan penerapannya di zaman moden, karya Abdullahi Ahmed An-Naim *Toward An Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law* (1990) cuba memaknai dan menimbangankan persoalan ini dengan mengacu pada idea dan manhaj yang radikal yang dirumuskan oleh Ustadh Mahmoud Mohamed Taha, dalam bukunya *The Second Message of Islam*.

Buku ini mempelopori usaha penting dalam mereformasi sumber-sumber dan aspek hukum Islam dan pemahamannya yang dirumuskan daripada ajaran dan tulisan pembaharu Sudan, Mahmoud Mohamed Taha, yang memberikan penafsiran semula terhadap undang-undang tradisional, dengan berdasarkan prinsip dan kaidah yang radikal yang dirumuskannya, yang bertujuan melantarkan asas intelektual bagi interpretasi ulang yang menyeluruh terhadap sifat dan makna undang-undang awam Islam. Dalam merumuskan manhaj dan idea moden yang digarap dan dibawakan Taha, An-Naim berhasil mengembangkannya secara konkrit dan menyeluruh dan menegaskan idealisme dan aspirasi moden yang diilhamkannya.

Dalam perbahasannya tentang rekonsiliasi antara hukum Islam dengan undang-undang antarabangsa yang moden, beliau mencuba untuk memodenkan hukum Islam dengan menghimbau upaya pembaruan dan penjanaan semula shari'ah historis yang difahami kebanyakan Muslim sebagai sebagian daripada kepercayaan Islam. Untuk mencapai objektif ini, An-Na'im berusaha untuk membawa kepercayaan dan praktik Islam ke dalam hubungan yang sejajar dengan faham tentang hak-hak yang mendasar dengan mengisytiharkan delegitimasi terhadap hukum Islam historis...penilaian terhadap shari'ah di dalam konteks sejarah mencerminkan pemahaman intelektualnya tentang persepaduan antara akal budi manusia dengan wahyu ilahi dalam rangka untuk menegaskan masyarakat Islam yang adil.

Dalam karyanya yang terkenal *Towards a History of Law in Malaysia and Singapore* Ahmad Ibrahim (2015) melontarkan analisis yang mendalam tentang harakat perundangan di Malaysia dan Singapura dan menyampaikan hujah yang kuat dan mengesankan tentang ketinggian undang-undang Islam dan kontekstualisasinya dalam sejarah. Penulisannya ini patut diketengahkan untuk

bacaan umum sebagai acuan dalam memahami latar belakang sistem perundangan yang terpakai dalam negara.

Dalam upaya pembaharuan yang digerakkan di Malaysia, seyogianya teks-teks yang penting ini diangkat dalam menilai dan mempertimbangkan keabsahan shari'ah historis yang dibangunkan oleh ahli hukum dan perintis mazhab Islam yang terawal, yang akan menarik kepada cendekiawan agama, sarjana Timur Tengah, dan peguam, dan juga kepada mereka yang berminat tentang interaksi hukum dan agama dalam Islam untuk menyusun manhaj dan pandangan serta merumuskan jawaban terhadap keperluan-keperluan moden yang mencabar seraya menyejajarkan aspirasinya dengan nilai-nilai kebebasan, keberlembagaan moden, peradilan jenayah, undang-undang antarabangsa, dan hak-hak asasi yang mendasar.

Penilaian kritis yang diberikan oleh karya-karya ini melantarkan kemungkinan pembaharuan di dunia Islam yang krusial dan penting dalam mengangkat martabat dan harakat bangsa, dan mempertahankan kebebasan, maruah dan harga dirinya, seraya membela nilai persamaan dan kemanusiaan yang universal.

Pembaharuan yang ditawarkan melalui penilaian kritis tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai usaha intelektual, tetapi juga sebagai jalan untuk mengembalikan peranan umat Islam sebagai aktor penting dalam peradaban dunia. Dengan mengangkat martabat bangsa melalui kerangka nilai keadilan, kebebasan, dan persamaan, umat Islam dapat menunjukkan bahawa tradisi Islam mampu berdialog dengan nilai-nilai universal tanpa kehilangan identitasnya. Inilah yang menjadikan reformasi Islam bukan sekadar reaksi terhadap desakan luar, tetapi sebagai bentuk kesedaran dalaman yang lahir daripada tuntutan zaman.

Selain itu, gagasan pembaharuan ini memberikan harapan bahawa dunia Islam dapat keluar daripada belenggu konflik internal, kejumudan intelektual, dan tekanan politik global. Dengan mempertahankan maruah serta hak asasi, reformasi hukum dan pemikiran Islam dapat melahirkan sistem sosial yang lebih inklusif, adil, dan progresif. Hal ini bukan sahaja memperkukuh harga diri umat Islam di pentas antarabangsa, tetapi juga memastikan bahawa nilai kemanusiaan yang universal benar-benar terpelihara dalam praktik kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Metode Penelitian

Metodologi kajian ini berasaskan analisis kualitatif dari jenis tinjauan dokumenter dan perpustakaan. Sumber dan data diperoleh dari bahan-bahan yang terkait berupa rujukan-rujukan primer dan sekunder yang mutakhir dan autoritatif. Maklumat yang terkumpul dianalisis secara deskriptif, komparatif dan historis untuk menghasilkan penemuan dan kesimpulan akhir.

Metodologi ini dipilih kerana sesuai untuk menjelaskan fenomena secara mendalam berdasarkan maklumat yang tersedia tanpa melibatkan pengumpulan data lapangan secara langsung. Analisis dokumenter dan perpustakaan membolehkan peneliti mengakses wacana, teori, serta pandangan para sarjana terdahulu

sehingga memberikan landasan konseptual yang kuat. Melalui pendekatan ini, data yang diperoleh dapat dihubungkan antara satu dengan yang lain, lalu diinterpretasikan secara kritis untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif terhadap isu yang dikaji.

Selain itu, penggunaan analisis deskriptif, komparatif, dan historis memberikan dimensi yang lebih luas dalam proses kajian. Analisis deskriptif membantu menggambarkan fakta secara objektif, analisis komparatif membuka ruang untuk melihat persamaan dan perbezaan di antara berbagai sumber, sedangkan analisis historis menelusuri perkembangan ide atau pemikiran dalam rentang masa tertentu. Kombinasi ketiga pendekatan ini diharapkan dapat menghasilkan penemuan yang bukan sahaja akurat, tetapi juga relevan serta dapat dipertanggungjawabkan dari segi akademik.

Hasil dan Pembahasan

Kemungkinan persoalan yang paling krusial yang ditimbulkan dalam konteks masyarakat Islam yang moden adalah keabsahan hukum yang dipakai dari sumber-sumber fiqh yang terawal. Dalam konteks sejarah, bangunan shari'ah historis itu dihitung sebagai hasil dari ijtihad ulama-ulama klasik yang dibangun dalam abad formatif Islam yang terikat dengan konteks dan lingkungan sosialnya yang unik. Kondisi ini jauh berbeza dengan keadaan negara bangsa yang moden dan kosmopolit yang didepani kaum Muslim kini.

Kenyataan ini dihibau oleh Abdullahi Ahmed An-Na'im dalam karyanya *Toward An Islamic Reformation* yang menyeru kepada pembaharuan dalam perumusan sejarah terhadap hukum Islam, umumnya dikenali sebagai shariah, yang dilihat oleh ramai kaum Muslim sebagai sebahagian daripada kepercayaan Islam. Sebagai seorang Muslim, An-Na'im sensitif pada dan menghargai hubungan yang rumit antara Islam sebagai agama dan syariat Islam, tetapi beliau meskipun demikian mempertimbangkan bahawa persoalan yang ditimbulkan di sini harus dipecahkan jika undang-undang awam Islam harus diterapkan hari ini.

Salah satu cabaran utama dalam perbincangan ini adalah bagaimana hukum Islam dapat terus relevan tanpa kehilangan identitas normatifnya yang bersumber dari al-Qur'an dan Sunnah. Di satu sisi, fiqh klasik memiliki nilai sejarah dan intelektual yang tinggi kerana lahir dari proses ijtihad yang mendalam. Namun, di sisi lain, terdapat keperluan mendesak untuk menyesuaikan hukum Islam dengan realiti kontemporer, terutama dalam aspek hak asasi manusia, demokrasi, dan pluralisme. Ketegangan antara warisan tradisional dan tuntutan moden inilah yang menjadikan diskusi tentang pembaharuan hukum Islam begitu kompleks dan sensitif.

Selain itu, perbezaan konteks sosial dan politik antara zaman klasik dan era moden mengharuskan adanya metodologi baru dalam memahami hukum Islam. Para sarjana kontemporer mengajukan pendekatan hermeneutis, maqasid al-shari'ah, dan juga kritik historis sebagai cara untuk membuka ruang ijtihad yang

lebih luas. Dengan demikian, hukum Islam tidak hanya dibaca secara literalistik, tetapi juga dianalisis berdasarkan tujuan-tujuan etis dan maslahat yang lebih universal. Pendekatan ini berusaha menjembatani kesenjangan antara teks normatif dengan realiti masyarakat Muslim global yang semakin beragama dan kosmopolit.

Dalam konteks ini, gagasan Abdullahi Ahmed An-Na'im memberikan sumbangan penting kerana mengajak umat Islam untuk melihat shari'ah sebagai produk sejarah yang terbuka terhadap interpretasi ulang. Menurutnya, reformasi hukum Islam bukanlah upaya meninggalkan agama, melainkan usaha menyelamatkan keberlangsungan Islam sebagai sistem nilai yang relevan di tengah perubahan zaman. Oleh sebab itu, perbahasan mengenai keabsahan hukum fiqh awal dan tuntutan reformasi perlu difahami bukan semata-mata sebagai konflik antara tradisi dan modernitas, melainkan sebagai peluang untuk memperkaya khazanah hukum Islam agar tetap hidup, kontekstual, dan membimbing umat dalam menghadapi tantangan kontemporer.

Tren mutakhir menunjukkan bahawa majoriti Muslim, di mana umat Islam merangkumi 70 peratus daripada keseluruhan penduduk dalam tiga puluh lima negara, menjadi secara politiknya lebih tegas, dan fenomena ini menimbulkan isu tentang penerapan moden terhadap shari'ah. Mengingat kepada realiti negara-bangsa dalam dunia yang semakin saling bergantung dan pengaruh mempengaruhi, karyanya memfokuskan tentang implikasi dari penerapan moden terhadap shari'ah kepada keperlembagaan moden, peradilan jenayah, undang-undang antarabangsa, dan hak asasi. Beliau memperlihatkan keperluan bagi pembaharuan yang drastik terhadap Shari'ah dalam lapangan ini dengan mempertentangkan prinsip-prinsip imperatif mereka dengan peraturan Shari'ah yang terkait.

Dalam memperakui keperluan terhadap keseimbangan hak-hak Muslim dan bukan Muslim yang bersaing kepada penentuan-diri sendiri, dan juga keperluan untuk mengekalkan keabsahan Islam bagi pembaharuan yang diusulkan, An-Na'im melantarkan dasar rasionil Islam bagi keduanya metodologi dan tujuan pembaharuan berdasarkan ajaran pembaharu Islam Sudan Mahmoud Mohamed Taha. An-Na'im, bagaimanapun, pergi melangkaui prinsip-prinsip umum Taha untuk mengemukakan gambaran dan analisis yang konkrit tentang implikasi dari prinsip tersebut sebagaimana ia secara langsung terpakai kepada undang-undang awam Islam.

Dalam mengusulkan jalan dan cara bagi memperbaharui hukum Islam kepada apa yang seringkali diacu padanya sebagai "hukum Islam historis" para reformis Islam berusaha mencari alternatif kepada kedua-duanya sekularis dan fundamentalis, dengan menerima autoriti al-Qur'an dan tradisi Nabi (saw) dan menerapkan metodenya terhadap pembaharuan kepada seperangkat konsep-konsep yang fundamental dari hukum Islam, dengan penekanan pada hak-hak asasi di dalam ruang lingkup perlembagaan moden dan perundangan antarabangsa.

Setelah kejadian-kejadian yang revolusioner yang meletus di Iran dan kebangkitan kaum fundamentalis di banyak ceruk bahagian di dunia Islam, tak ramai yang akan mempertahankan bahawa tretis kehakiman dan falsafah tentang hukum Islam hanya punyai sedikit relevansi dengan politik dunia dan hubungan antarabangsa. Kerananya para sarjana dan ahli hukum Islam, telah mengikhtiarkan penafsiran semula terhadap undang-undang tradisional yang, dengan mengelakkan daripada sekularisme dan fundamentalisme, akan mendamaikannya dengan kedua-duanya tuntutan kehidupan moden dan dengan undang-undang antarabangsa, termasuk penentuan diri sendiri dan hak-hak asasi. Upaya ini dapat memiliki kepentingan politik yang besar, namun tugas ini adalah besar dan sangat rumit.

Dalam konteks Malaysia, pertimbangan terhadap Shari'ah, yang dapat wujud tanpa konflik dengan undang-undang antarabangsa dan hak-hak asasi, dan pengenalan hukum Islam moden yang diperbaharui, adalah keperluan yang tak dapat tidak bagi pembaharuan ini untuk terealisasi yang turut memungkinkannya bagi negara bangsa Muslim yang moden untuk berupaya menegakkan perlembagaan yang tunduk kepada undang-undang antarabangsa dan membolehkan mereka untuk diterima dalam komuniti sedunia dari bangsa-bangsa.

Dalam konteks Malaysia, wacana pembaharuan Shari'ah perlu diletakkan dalam kerangka sistem perundangan yang sedia ada, iaitu perlembagaan negara sebagai undang-undang tertinggi. Hal ini bermakna sebarang usaha untuk memperkenalkan hukum Islam moden haruslah tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip demokrasi, keadilan sosial, dan kesetaraan warga negara. Dengan cara ini, Shari'ah dapat difahami sebagai sumber moral dan etika yang memperkukuh keutuhan masyarakat, bukannya sebagai instrumen yang menimbulkan konflik perundangan atau diskriminasi terhadap kelompok tertentu.

Di samping itu, Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang majmuk perlu mengambil kira realiti pluraliti agama dan budaya. Reformasi hukum Islam yang digagaskan mestilah mempertimbangkan keperluan menjaga keharmonian antara umat Islam dan bukan Islam, sekaligus menjamin hak-hak asasi setiap warganegara. Oleh itu, pendekatan maqasid al-shari'ah yang menekankan prinsip keadilan, kemaslahatan, dan perlindungan hak asasi manusia menjadi salah satu metodologi yang relevan untuk diaplikasikan. Hal ini akan memperkukuh kedudukan Shari'ah sebagai satu kerangka yang inklusif dan berorientasi kepada kesejahteraan sejagat.

Tambahan lagi, keterbukaan Malaysia terhadap undang-undang antarabangsa merupakan aspek penting untuk memastikan negara ini terus relevan di pentas global. Dengan melaksanakan pembaharuan hukum Islam yang selaras dengan norma

antarabangsa, Malaysia bukan sahaja mampu menampilkan citra Islam yang progresif dan rahmah, tetapi juga memperkukuh kedudukannya sebagai model negara Muslim moden. Justeru, usaha integrasi antara Shari'ah, perlembagaan negara, dan undang-undang antarabangsa perlu dilihat sebagai satu jalan tengah yang strategik untuk mempertemukan tuntutan tradisi Islam dengan cabaran kontemporer

Perjuangan untuk meninggikan undang-undang syarak dalam pentadbiran di Malaysia telah digerakkan oleh salah seorang ideolog dan pelopornya yang terpenting yaitu Profesor Ahmad Ibrahim (1916-1999) yang mempertahankan hujah bahawa undang-undang syariah lebih baik dan telah memperlihatkan kecemerlangan dalam penerapannya di negara-negara Islam dalam mengurangkan kadar jenayah.

Meskipun penglibatannya dalam bidang perundangan di Malaysia hanya bermula setelah beliau bersara dari perkhidmatan awam di Singapura, namun ketokohnya merentas sempadan yang idea-ideanya dirujuk dalam ehwal perundangan Islam di Malaysia dan Singapura. Dalam bidang pendidikan dan Islamisasi undang-undang pemikirannya paling menyerlah melalui penaiktarafan Mahkamah Syariah, penubuhan Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM, dan pengenalan sistem takaful dan Bank Islam yang meluas dan digunapakai dalam amalan kewangan dan ekonomi semasa.

Sumbangan Ahmad Ibrahim masih dirasakan hari ini dalam pengislaman undang-undang dan pengharmonian undang-undang sivil dan syariah di Malaysia yang diberlakukan dalam sistem perundangan. Sifatnya sebagai aktivis dan peguambela syarie yang berdedikasi ketika berkhidmat sebagai peguam di Singapura patut diteladani selain upayanya memperkenalkan sistem kewangan yang patuh syariah di Malaysia yang mendapat pengiktirafan global.

Dalam menjayakan gagasan pengislamannya yang sangat bercita-cita ini, Ahmad Ibrahim telah membangunkan kerangka perundangan yang bernafaskan prinsip syariat yang dilakarkannya bagi menggantikan undang-undang sivil yang diwarisi dari penjajah. Idea-idea yang secara konsisten dicerakinkan dalam gerak perjuangan untuk meninggikan harkat undang-undang Islam, dan membawa pembaharuan dalam pentadbiran undang-undang Islam yang bernafaskan prinsip dan semangat perundangan yang terpakai di Malaysia. Beliau mengesyorkan supaya common law Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti Inggeris dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan memandangkan Malaysia sebuah negara merdeka yang mengangkat Islam menjadi agama resmi dan keadaan serta keperluan penduduk Islamnya untuk

mengikuti hukum syarak. Perjuangannya memartabatkan undang-undang Islam dan institusi syariah di Malaysia telah mendapat pengiktirafan yang meluas dalam sejarah yang mendorong perkembangan institusi dan pemerkasaan sistem perundangannya.

Penulisannya banyak berkaitan dengan permasalahan undang-undang dan pemerkasaan sistem perundangan syarak, yang menyentuh umumnya perspektif asas tentang pembaharuan hukum dan fatwa, dan penegakkan undang-undang syariah di Malaysia, yang menumpukan terhadap peranan dan masa depan Mahkamah Syariah, keperluan pengharmonian undang-undang syariah dan sivil, pengembangan prinsip masalah, teologi hukum, asas-asas fatwa dan pandangan-pandangan kritis terkait sejarah dan doktrin hukum dalam aliran-aliran mazhab.

Perbincangan mengenai masa depan Mahkamah Syariah di Malaysia sering kali dikaitkan dengan keperluan memperkukuh bidang kuasa dan kewibawaan institusi ini dalam kerangka perlembagaan negara. Mahkamah Syariah tidak hanya dilihat sebagai institusi kehakiman untuk umat Islam, tetapi juga sebagai simbol keadilan Islam yang harus mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan semasa. Dengan pengukuhan peranannya, Mahkamah Syariah diharapkan dapat menjalankan fungsinya secara lebih efektif, telus, dan sejalan dengan prinsip-prinsip maqasid al-shari'ah yang menekankan keadilan dan kemaslahatan.

Dalam masa yang sama, isu pengharmonian antara undang-undang syariah dan sivil tetap menjadi cabaran besar yang memerlukan pendekatan bijaksana. Perbezaan dalam bidang kuasa, metodologi, dan prinsip asas antara kedua-dua sistem ini kadangkala menimbulkan pertindihan serta konflik hukum. Justeru, usaha pengharmonian perlu dilaksanakan secara progresif dengan menekankan aspek dialog perundangan, saling melengkapi, dan menghormati perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara. Hal ini dapat memastikan bahawa kedua-dua sistem perundangan dapat berfungsi dengan harmoni tanpa menjejaskan keadilan masyarakat secara keseluruhan.

Tambahan lagi, penekanan terhadap prinsip masalah, teologi hukum, dan asas fatwa membuka ruang untuk pembaharuan yang lebih kreatif dan kontekstual dalam sistem perundangan Islam. Dengan mengkaji sejarah perkembangan doktrin hukum dalam pelbagai mazhab, umat Islam dapat memahami bahawa pluralitas dalam fiqh adalah aset, bukan penghalang, untuk melahirkan solusi hukum yang relevan. Pandangan kritis yang ditawarkan melalui pendekatan ini dapat membantu membina kerangka fatwa dan undang-undang yang lebih responsif terhadap realiti

kontemporer, sekali gus menjadikan sistem perundangan Islam di Malaysia lebih progresif, inklusif, dan berdaya sains

Dalam konteks yang lain, salah tafsir tentang syariah juga dapat membawa konsekuensi yang buruk, terutamanya kalangan yang memberi penekanan yang melampau kepada Islam politik. Bagaimana umat Islam memahami dan menginterpretasi syariah sangat penting kepada masyarakat, kerana dari sinilah kita mungkin membuat salah tafsir, yang membawa kepada ekstremisme dan mengancam kemanusiaan (Osman Bakar, 2023).

Di sinilah letaknya keperluan dalam tradisi Islam, untuk mendakap nilai-nilai pluralisme dalam agama, yakni jamak agama dan budaya, supaya tidak terikat kepada satu tafsiran semata-mata, sebagaimana dicerminkan dalam kewujudan pelbagai mazhab teologi, dan aneka kod moral dalam berbagai aliran hukum Islam yang saling wujud dan berinteraksi.

Dalam Islam, syariah, atau hukum wahyu, adalah sumber utama pengetahuan tentang apa yang benar dan salah. Kepercayaan yang salah mungkin membawa kemudaratan kepada yang lain sehingga menimbulkan keganasan. Bagaimana umat Islam memahami dan menginterpretasi syariah dapat berakibat dalam banyak cara. Dalam hal ini pandangan ortodoks Islamlah yang terpakai yang secara prinsipnya bergaris sederhana (wasatiyyah) dan universal.

Pemahaman terhadap syariah tidak boleh dipisahkan daripada prinsip keadilan (*'adl*) dan keseimbangan (*mizan*) yang menjadi teras ajaran Islam. Jika syariah difahami secara sempit dan literal tanpa mempertimbangkan konteks sosial dan tujuan hukum (*maqasid al-shari'ah*), maka ia berpotensi melahirkan tindakan ekstrem yang menyeleweng daripada maksud sebenar agama. Oleh itu, umat Islam dituntut untuk memahami syariah bukan sekadar pada teks hukum, tetapi juga pada semangatnya yang menekankan rahmat, kasih sayang, dan kemaslahatan manusia.

Konsep wasatiyyah atau jalan tengah yang diangkat oleh Islam sebenarnya menjadi prinsip penting dalam memastikan syariah tidak ditafsirkan secara berlebihan atau sewenang-wenangnya. Pandangan ortodoks Islam yang sederhana menolak pendekatan radikal yang menjadikan agama sebagai alat politik ataupun justifikasi untuk keganasan. Sebaliknya, syariah harus dilihat sebagai panduan moral yang membimbing umat manusia untuk hidup berharmoni, saling menghormati, dan membina masyarakat yang adil serta sejahtera.

Lebih jauh lagi, sifat universal syariah menjadikannya relevan merentas budaya, zaman, dan ruang geografi. Hal ini kerana syariah bukan sekadar mengatur aspek ritual ibadah, tetapi juga memberikan kerangka etika dalam kehidupan sosial, ekonomi, dan politik. Dengan memahami syariah secara inklusif dan universal, umat Islam dapat menampilkan wajah Islam yang rahmah dan progresif, sekaligus mengelakkan salah faham bahawa syariah hanya berkaitan

dengan hukuman atau peraturan yang keras. Inilah yang menjadikan Islam mampu memberikan solusi terhadap cabaran global tanpa mengabaikan nilai kemanusiaan sejagat.

2. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dinyatakan secara ringkas keperluan untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah dan memperkasa institusi kehakimannya selaras dengan martabat dan fungsinya dalam menangani isu-isu dan keperluan orang Islam dan masyarakat awam umumnya. Langkah ini penting ke arah memartabatkan nilai perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia dan dalam menyerasikan di antara kedudukan dan kekuatan mahkamah syariah dan mahkamah sivil, melihat kepada beberapa ciri atau peruntukan mahkamah sivil yang ternyata melanggar secara terang konsep perundangan Islam.

Ini termasuklah langkah yang diperkenalkan kerajaan baru-baru ini untuk mengkaji pindaan Rang Undang-Undang (RUU) 355 bagi meningkatkan kedudukan dan martabat mahkamah syariah. Dalam hal ini kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang Islam haruslah diteliti dan dirujuk semula kepada Jabatan Peguam Negara dan kepada sidang Majlis Raja-Raja yang bertanggungjawab ke atas soal Islam, adat dan kewarganegaraan, seperti disarankan oleh YAB Perdana Menteri, supaya tiada pertikaian dan kelemahan ketara dalam pelaksanaannya kelak. Pindaan itu haruslah dibuat dengan bersungguh-sungguh dan menyeluruh dan ditambah baik dengan usaha untuk menyelaraskan pandangan daripada semua pihak yang akan menjadi satu dokumen kukuh yang boleh ditelaah di peringkat antarabangsa.

Selain itu adalah usaha menggubal RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan mufti, penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak serta perkara yang berkaitan, dan ini harus dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Raja-Raja, supaya tiada pertikaian dalam soal ahli sunnah wal jamaah; dan usaha mengkaji semula undang-undang lapuk yang diperkenalkan di zaman British agar sesuai dengan situasi dan peredaran masa.

Penggubalan RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam memperkukuh institusi fatwa dan autoriti agama di Malaysia. Melalui peruntukan undang-undang yang lebih jelas dan tersusun, peranan mufti dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, terutama dalam memastikan pandangan hukum yang dikeluarkan selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Langkah ini penting bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat akibat pelbagai tafsiran yang tidak berautoriti dan mengancam kesatuan umat Islam di negara ini.

Selain itu, keperluan merujuk perkara-perkara berkaitan hukum dan doktrin syarak kepada Majlis Raja-Raja memperlihatkan mekanisme semak dan imbang yang unik dalam sistem pemerintahan Malaysia. Dengan adanya peranan Raja-Raja

Melayu sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing, fatwa yang dikeluarkan akan memiliki legitimasi yang lebih kukuh dan diterima secara menyeluruh. Pendekatan ini juga memperkuat identiti keagamaan negara, di samping menjaga keharmonian antara perundangan syariah dan perlembagaan negara.

Dalam masa yang sama, usaha mengkaji semula undang-undang lapuk warisan British adalah langkah penting bagi memastikan perundangan yang diamalkan di Malaysia relevan dengan tuntutan semasa. Banyak peruntukan lama tidak lagi sesuai dengan realiti sosial, politik, dan budaya masyarakat moden. Reformasi undang-undang ini bukan sahaja dapat memperkukuh integrasi antara undang-undang sivil dan syariah, tetapi juga memberi ruang kepada pembangunan sistem perundangan nasional yang lebih adil, seimbang, dan kontekstual dengan identiti Malaysia sebagai negara Muslim yang berdaulat

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM) kerana memudahcara dan membenarkan akses kepada koleksi perpustakaan di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA Library), ISTAC sepanjang kerja-kerja perujukan dibuat.

RUJUKAN

Abou el Fadl, Khaled (2014). Reasoning with God: Reclaiming Shari`ah in the Modern Age. Lanham: Rowman & Littlefield.

Akyol, Mustafa. (2017). "Shariah's Winding Path into Modernity". July 13, 2017, [nytimes.com/2017/07/13/opinion/shariahs-winding-path-into-modernity.html](https://www.nytimes.com/2017/07/13/opinion/shariahs-winding-path-into-modernity.html)

An-Na'im, Abdullahi Ahmed (1990). Toward An Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law. New York: Syracuse University Press.

An-Na'im, Abdullahi Ahmed (2008). Islam and the Secular State: Negotiating the Future of Shari'a. Harvard University Press.

Bakar, Osman (2023). "Misinterpretations of syariah may lead to violence" Mac 10, 2023, [nst.com.my/opinion/columnists/2023/03/887649/misinterpretations-syariah-may-lead-violence](https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2023/03/887649/misinterpretations-syariah-may-lead-violence)

Ibrahim, Ahmad. (2015). Towards a History of Law in Malaysia and Singapore. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Kamali, Mohammad Hashim. (2013). Islam and Democracy. ICR Journal, 4(3), 437-

39.

Taha, Mahmoud Mohamed (1987). *The Second Message of Islam*. Abdullahi Ahmed An-Na'im (tr.). New York: Syracuse University Press.